

DIAMOND NUTMEG OINTMENT

Nutmeg Oil / Camphor / Menthol / Methyl Salicylate / Eucalyptus Oil (30% w/w / 10% w/w / 5% w/w / 20% w/w / 5% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Diamond Nutmeg Ointment
2. Bagaimana Diamond Nutmeg Ointment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Diamond Nutmeg Ointment
4. Cara menggunakan Diamond Nutmeg Ointment
5. Semasa menggunakan Diamond Nutmeg Ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Diamond Nutmeg Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Diamond Nutmeg Ointment

Digunakan untuk sakit ringan otot dan sendi, luka atau luka terbakar yang ringan, gigitan serangga atau iritasi kulit.

Bagaimana Diamond Nutmeg Ointment berfungsi

Methyl Salicylate: Diserap ke dalam kulit dan disapu untuk melegakan kesakitan pada otot dan sendi.

Eucalyptus Oil: Disapu kepada kulit sebagai tindak balas perengsa.

Nutmeg Oil: Untuk menghalang penghasilan prostaglandin, dan seterusnya mengurangkan keradangan. Camphor: Bertindak sebagai rubefacient (bahan yang menyebabkan kemerahan pada kulit dengan meningkatkan aliran darah ke kawasan sakit) dan analgesik ringan.

Menthol: Melebarkan saluran darah, menyebabkan rasa sejuk diikuti dengan kesan analgesik dan melegakan kegatalan.

Sebelum menggunakan Diamond Nutmeg Ointment

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Diamond Nutmeg Ointment pada bayi di bawah umur 2 tahun.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan Diamond Nutmeg Ointment.

- Sebelum mula menggunakan Diamond Nutmeg Ointment

Beritahu doktor jika anda sensitif kepada salicylate atau lain-lain kandungan ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Untuk mereka yang mengambil warfarin, penggunaan berlebihan pada kulit untuk sakit otot atau sendi boleh meningkatkan peluang pendarahan.

Cara menggunakan Diamond Nutmeg Ointment

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan dengan bebas seperti diperlukan, gosok dan urut dengan sempurna.

Balutan atau bungkusana tidak disyorkan.

Hentikan penggunaan jika iritasi berlebihan pada kulit berlaku.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Diamond Nutmeg Ointment untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Penyediaan ubat adalah mudah diterima jika mengikut arahan yang disyorkan.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Diamond Nutmeg Ointment

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Diamond Nutmeg Ointment.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda

Jangan beri Diamond Nutmeg Ointment kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ia adalah berbahaya untuk meletakkan mana-mana produk yang mengandungi Camphor ke dalam rongga hidung kanak-kanak. Penggunaan yang sedikit boleh menyebabkan pengsan. Elakkan terkena mata atau membran mukus. Perhatian hendaklah ditegaskan apabila kanak-kanak yang lebih dewasa dirawat.

Kesan-kesan sampingan

Irritasi kulit boleh berlaku. Penyerapan Methyl Salicylate melalui kulit boleh memberi kesan-kesan sampingan sistemik seperti pening, bunyi deringan pada telinga, pekak, berpeluh, loya dan muntah-muntah, sakit kepala dan kekeliruan mental.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

DIAMOND NUTMEG OINTMENT

Nutmeg Oil / Camphor / Menthol / Methyl Salicylate / Eucalyptus Oil (30% w/w / 10% w/w / 5% w/w / 20% w/w / 5% w/w)

Cara penyimpanan dan pelupusan

Diamond Nutmeg Ointment

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak

Jauhi dari mata

Simpan di tempat kering di bawah 30°C

Lindungi daripada cahaya

Pastikan bekas ditutup rapat

Untuk kegunaan luar sahaja

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan

melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda

mengenai cara untuk melupuskan ubat

yang tidak diperlukan lagi. Langkah-

langkah ini dapat membantu

melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Salap berwarna putih dengan wangian

buah pala.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Nutmeg Oil, Camphor, Menthol,

Methyl Salicylate dan Eucalyptus Oil.

- Bahan-bahan tidak aktif

Paraffin Wax and White Soft Paraffin

- Nombor MAL

MAL19911406X

Pengilang & Pemegang Pendaftaran

Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.

2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,

Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600

Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

31/01/2018

Nombor siri:

NPRA(R4/1)300118/00033